

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENGURUSAN TUNTUTAN NAFKAH  
DAN HAK WANITA YANG  
DICERAIKAN: KAJIAN DI  
MAHKAMAH SYARIAH KELANTAN**

**NUR AIN NAZIFA BINTI MOHD ZAWAWI**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk Ijazah  
**Sarjana Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**November 2024**

## ABSTRAK

Permohonan tuntutan nafkah adalah berdasarkan beberapa pengurusan yang telah dinyatakan dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Walaupun hampir seratus tahun pindaan dan pembaharuan pengurusan dilakukan oleh Mahkamah Syariah, isu tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah masih lagi timbul dan menjadi permasalahan dalam masyarakat masa kini. Pada tahun 2017 sehingga 2021, sebanyak 5,964 kes nafkah telah didaftarkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Manakala statistik dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan juga mencatatkan peningkatan dengan kes tuntutan nafkah isteri kebelakangan pada tahun 2022 meningkat sehingga 27%. Manakala bagi nafkah *iddah* pula meningkat sehingga 21%. Begitu juga kes tuntutan nafkah anak dan *mut'ah*, peningkatan yang direkodkan adalah sebanyak 40%. Permasalahan tiada kerjasama antara pihak-pihak juga merupakan salah satu punca kes tuntutan tidak dapat berjalan dengan lancar yang menyebabkan penangguhan kes kerap berlaku. Selain itu, penggunaan sistem perekodan e-Syariah dan e-Nafkah tidak digunakan secara maksima di Mahkamah Syariah Kelantan. Oleh itu, objektif kajian ini untuk menjelaskan tatacara pengurusan tuntutan nafkah dan hak wanita yang diceraikan di Mahkamah Syariah Kelantan, membincangkan isu pengurusan tuntutan nafkah dan hak wanita yang diceraikan di Mahkamah Syariah Kelantan dan menganalisa pendekatan bagi menambah baik pengurusan tuntutan nafkah dan hak wanita yang diceraikan di Mahkamah Syariah Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan metod pengumpulan data melalui temubual, dokumen fail kes dan pemerhatian. Kajian ini telah menemu bual tiga orang Pegawai Mahkamah Syariah, dua Ahli Akademik, dua Peguam Syarie dan lima informan wanita yang diceraikan di Kelantan. Selain itu, sebanyak 20 fail kes telah dianalisis dan kaedah pemerhatian dijalankan di tiga buah Mahkamah Syariah Kelantan untuk menyokong dapatan temubual. Kemudian, kajian ini telah dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil dapatan objektif pertama telah mendapati tatacara pengurusan tuntutan nafkah yang ditetapkan adalah di bawah Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan 2002 dan perlu dipatuhi oleh semua pihak. Segala perubahan yang ingin dilakukan dalam enakmen ini, memerlukan penelitian oleh pakar undang-undang. Objektif kedua juga telah mendapati terdapat tujuh tema bagi isu pengurusan nafkah yang terdapat di Mahkamah Syariah Kelantan iaitu kes tuntutan nafkah tertunggak, kes tuntutan nafkah meningkat, menarik semula kes tuntutan nafkah, kurang kesedaran literasi undang-undang, kos dan fee proses tuntutan nafkah yang membebankan, prosedur pengurusan nafkah yang merumitkan dan kekangan penggunaan sistem e-rekod Mahkamah Syariah. Selain itu, objektif ketiga juga telah menjelaskan pendekatan untuk menambah baik pengurusan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah Kelantan. Pendekatan ini untuk melancarkan proses tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah Kelantan dengan melihat dan menyemak semula tatacara pengurusan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah, memperluaskan sistem jaringan dengan pembinaan inovasi di Mahkamah Syariah Kelantan serta pengkhususan hakim yang membicarakan tuntutan nafkah. Pengurusan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah Kelantan yang kompetitif dan efisien dapat mengukuhkan lagi pengurusan tuntutan nafkah. Oleh itu, pengkaji percaya kajian ini dapat membantu dan memberi input kepada semua pihak untuk merealisasikan nilai kesejahteraan yang merupakan salah satu nilai teras Malaysia Madani.

Kata kunci: *pengurusan, nafkah, Mahkamah Syariah Kelantan, hak wanita yang diceraikan*

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah, tuhan sekalian alam yang memberikan peluang dan nikmat untuk berada dalam sihat sentiasa. Ucapan syukur kepadaNya atas pemberian Islam dan Iman. Saya meninggikan segala puji kepada Allah atas limpah kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan tesis untuk Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam Kontemporari ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat dan cahaya ke atas setiap umat manusia.

Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Farah Safura binti Muhammad dan Prof. Madya Dr. Rafeah binti Saidon di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan segala nasihat di sepanjang tempoh penulisan kajian ini. Tanpa penyelia saya yang bijaksana, saya tidak akan sampai pada tahap ini. Semoga Allah S.W.T melimpahkan rahmatNya kepada beliau.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang tidak jemu memberi sokongan moral kepada saya dalam apa sahaja yang saya lakukan bagi menyiapkan penulisan kajian ini. Terima kasih yang tak terhingga juga buat sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak membantu saya sepanjang perjalanan memenuhi program untuk Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam Kontemporari ini.

Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada pihak-pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau tidak. Segala budi dan jasa yang kalian hulurkan hanya Allah S.W.T yang dapat membalasnya. Sekian Terima Kasih.

# ISI KANDUNGAN

## Mukasurat

|                                                                   |             |
|-------------------------------------------------------------------|-------------|
| <b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>                            | <b>ii</b>   |
| <b>DEKLARASI PENULIS</b>                                          | <b>iii</b>  |
| <b>ABSTRAK</b>                                                    | <b>iv</b>   |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                                | <b>v</b>    |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                                              | <b>vi</b>   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                             | <b>x</b>    |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                              | <b>xi</b>   |
| <b>SENARAI KES</b>                                                | <b>xii</b>  |
| <b>SENARAI STATUT</b>                                             | <b>xiii</b> |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                          | <b>xiv</b>  |
| <br>                                                              |             |
| <b>BAB 1     PENGENALAN</b>                                       | <b>1</b>    |
| 1.1     Latar Belakang Penyelidikan                               | 1           |
| 1.2     Penyataan Masalah                                         | 8           |
| 1.3     Persoalan Kajian                                          | 18          |
| 1.4     Objektif Kajian                                           | 19          |
| 1.5     Signifikan Kajian                                         | 19          |
| 1.6     Skop Kajian                                               | 20          |
| 1.7     Limitasi Kajian                                           | 21          |
| <br>                                                              |             |
| <b>BAB 2     SOROTAN LITERATUR</b>                                | <b>22</b>   |
| 2.1     Pengenalan                                                | 22          |
| 2.2     Konsep Nafkah Menurut Islam dan Undang-Undang di Kelantan | 22          |
| 2.2.1     Nafkah                                                  | 22          |
| 2.2.1.1 <i>Nafkah Iddah</i>                                       | 30          |
| 2.2.1.1 <i>Nafkah Anak</i>                                        | 33          |
| 2.2.1.1 <i>Mut'ah</i>                                             | 38          |
| 2.3     Isu Dan Cabaran Pengurusan Kes Nafkah di Mahkamah Syariah | 41          |

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Perkahwinan merupakan salah satu ibadah dan merupakan asas kepada kewujudan sesebuah keluarga, masyarakat dan seterusnya pembentukan negara. Selain itu, agama sangat menuntut umatnya berkahwin kerana ia merupakan fitrah semula jadi penciptaan manusia untuk hidup secara berpasang-pasangan (Wan Ismail et al., 2022). Islam sangat menggalakkan lelaki dan perempuan yang berkemampuan untuk mendirikan rumah tangga serta bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai pasangan suami isteri. Panduan dan syariat dalam menjalani bahtera rumah tangga telah digariskan oleh Islam dan menjadi rujukan kepada setiap pasangan (Hashim et al., 2020).

Suami mempunyai tanggungjawab melindungi dan memelihara isteri dan anak-anak dengan baik kerana wanita mempunyai hak dalam kehidupan asasi manusia. Pelbagai perlindungan dan hak yang diberikan kepada wanita Islam seperti hak pertunangan, hak menuntut ganti rugi jika berlaku putus tunang tanpa alasan munasabah, hak persetujuan berkahwin, hak menuntut nafkah, hak menuntut perceraian sekiranya dizalimi, ditinggalkan tanpa nafkah, tidak dilindungi dan dijaga dengan baik oleh suami dan sebagainya (Ismail et al., 2017).

Sebagaimana hak menuntut perceraian, salah satu jalan penyelesaian bagi pasangan yang tidak mampu untuk mempertahankan rumah tangga adalah melalui perceraian. Antara dalil pensyarian berkaitan talak adalah berdasarkan firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 229:

Maksudnya: “Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah dia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik.”

(Surah al-Baqarah 1:229)